

KAEDAH PEMBUKTIAN BAGI KESALAHAN JENAYAH SIHIR DALAM ISU-ISU KEKELUARGAAN DI MAHKAMAH SYARIAH MALAYSIA

METHODS OF EVIDENCE FOR CRIMES OF WITCHCRAFT IN FAMILY ISSUES UNDER THE MALAYSIAN SYARIAH COURTS

ⁱMuhamad Darwisy Mohd Razali, ⁱⁱ*Mohamad Aniq Aiman Alias, ⁱNurul Nadia Nozlan & ⁱAfaf Sukari

ⁱCalon Sarjana Syariah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

ⁱⁱSarjana Undang-Undang Perbandingan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

*(Corresponding Author): aniqalias@raudah.usim.edu.my

ABSTRAK

Sihir merupakan salah satu perbuatan syirik dan ia memberi kesan yang buruk kepada para pemangsa hasil daripada perbuatan penyihir yang tidak bermoral. Terlalu banyak berita mahupun keratan akhbar di laman sesawang yang menceritakan tentang impak negatif sihir dan keruntuhan institusi kekeluargaan hasil daripada perbuatan sihir. Namun, sistem perundangan Syariah di Malaysia menganggap perbuatan sihir ini merupakan satu perbuatan jenayah yang amat sukar untuk didakwa di Mahkamah Syariah. Hal ini disebabkan oleh perbuatan sihir merupakan jenayah yang sukar untuk dibuktikan dengan elemen-elemen pembuktian secara nyata. Justeru, kajian ini akan membincangkan tentang kaedah pembuktian yang digunakan dalam pensabitan kesalahan jenayah sihir dalam isu-isu kekeluargaan di Mahkamah Syariah Malaysia. Kajian berbentuk kualitatif ini akan menggunakan metode dokumentasi sebagai kaedah kajian. Data yang diperoleh kemudiannya akan dianalisis secara analisis dokumen bagi mencapai objektif kajian. Hasil kajian mendapati bahawa kaedah *qarinah* dan pendapat pakar merupakan kaedah pembuktian yang amat wajar digunakan dan dapat diterima sebagai keterangan yang relevan dalam pensabitan jenayah sihir di Mahkamah Syariah berdasarkan Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561]. Kajian ini diharapkan dapat dijadikan rujukan kepada institusi kehakiman di Malaysia, para pengkaji kini, pelajar dan agensi berkaitan dalam membincangkan isu berkaitan hal tersebut. Kajian ini juga diharapkan dapat menjadi salah satu usaha untuk memperkasakan sistem perundangan Syariah di Malaysia dengan mewujudkan satu tatacara penyiasatan dan pendakwaan secara khusus melibatkan jenayah sihir terhadap institusi kekeluargaan Islam di Mahkamah Syariah kelak.

Kata Kunci: Sihir, Kaedah Pembuktian, Jenayah Syariah, Akta Keterangan, Mahkamah Syariah

ABSTRACT

*Witchcraft is one of the acts of polytheism and it has a very bad effect on the predators as a result of the immoral acts of witches. There are too many news and newspaper clippings on websites that talk about the negative impact of witchcraft and the collapse of family institutions as a result of witchcraft. However, the Syariah legal system in Malaysia considers this act of witchcraft to be a criminal act that is very difficult to prosecute in the Syariah Court. This is because witchcraft is a crime that is difficult to prove with real evidence. Therefore, this study will discuss the method of proof used in the conviction of the crime of witchcraft in family issues in the Malaysian Syariah Court. This qualitative study will use the documentation method as a research method. The data obtained will then be analyzed through document analysis to achieve the objectives of the study. The results of the study found that the *qarinah* method and expert opinion is a method of proof that is very appropriate to use and can be accepted as relevant evidence in the conviction of witchcraft crimes in the Syariah Court based on the Syariah Court*

Evidence Act (Federal Territories) 1997 [Act 561]. This study is expected to be used as a reference for judicial institutions in Malaysia, current researchers, students, and related agencies in discussing related issues. This study is also expected to be one of the efforts to strengthen the Syariah legal system in Malaysia by creating an investigation and prosecution procedure specifically involving the crime of witchcraft against Islamic family institutions in the Syariah Court in the future.

Keyword (s): Witchcraft, Evidence, Syariah Crime, Evidence Act, Syariah Court

PENDAHULUAN

Allah SWT telah berfirman di dalam al-Quran tentang beberapa kisah sihir terutamanya yang berlaku pada zaman Nabi Musa a.s di mana ia boleh dilihat dan difahami menerusi Surah al-Baqarah, Surah Yunus, Surah Taha dan Surah al-A'raf. Begitu juga dengan hadis-hadis Rasulullah SAW yang telah diriwayatkan oleh para sahabat tentang kisah baginda yang telah terkena sihir. Namun, terdapat banyak riwayat yang menyatakan tentang panduan bagi umat Islam dalam mengatasi perbuatan sihir dengan rawatan-rawatan tertentu serta cara-cara melindungi diri daripada terkena sihir (Aizan & Mohd Yakub, 2003). Sejarah juga telah mencatatkan bahawa amalan sihir telah berlaku dan lahir dalam kehidupan umat manusia apabila dua malaikat iaitu *harut* dan *marut* mengajar ilmu sihir kepada manusia. Peristiwa ini telah berlaku apabila kedua-duanya diturunkan ke bumi untuk menguji keimanan mereka oleh Allah SWT. Hal ini boleh dilihat menerusi firman Allah SWT:

﴿وَاتَّبَعُوا مَا تَتْلُوا الشَّيْطَانُ عَلَىٰ مُلْكٍ سُلَيْمٍ ۖ وَمَا كَفَرَ سُلَيْمٌ وَلَكِنَّ الشَّيْطَانَ كَفَرُوا يُعَلِّمُونَ
النَّاسَ السِّحْرَ ۖ وَمَا أَنزَلَ عَلَى الْمَلَائِكَةِ يُبَايِلَ هَرُوتَ وَمَرُوتَ ۚ وَمَا يُعَلِّمَانِ مِنْ أَحَدٍ حَتَّى يَقُولَا
إِنَّمَا نَحْنُ فِتْنَةٌ فَلَا تَكْفُرْ ۖ﴾

Terjemahan: Mereka (membelakangkan Kitab Allah) dan mengikut ajaran-ajaran sihir yang dibacakan oleh puak-puak Syaitan dalam masa pemerintahan Nabi Sulaiman, padahal Nabi Sulaiman tidak mengamalkan sihir yang menyebabkan kekufuran itu, akan tetapi puak-puak Syaitan itulah yang kafir (dengan amalan sihirnya); kerana merekalah yang mengajarkan manusia ilmu sihir dan apa yang diturunkan kepada dua malaikat: Harut dan Marut, di negeri Babil (Babylon), sedang mereka berdua tidak mengajar seseorang pun melainkan setelah mereka menasihatinya dengan berkata: "Sesungguhnya kami ini hanyalah cubaan (untuk menguji imanmu), oleh itu janganlah engkau menjadi kafir (dengan mempelajarinya)".

(Surah al-Baqarah 2:102)

Di Malaysia, ilmu sihir bukanlah suatu yang asing dalam kalangan masyarakat setempat. Kebanyakan penduduk Malaysia yang berbilang bangsa dan agama menerima hakikat yang ilmu sihir sememangnya wujud dan diamalkan oleh golongan tertentu dalam kehidupan sosial mereka. Menurut William Shaw, hampir saban tahun sebilangan masyarakat di Malaysia percaya yang mereka telah menjadi mangsa sihir dan cuba mencari jalan bagi mendapatkan rawatan di samping 'menghantar semula' sihir itu kepada tuannya. Bukan tidak wujud kes-kes individu yang menanggung derita akibat terkena sihir. Malah kedengaran juga berlaku persengketaan antara anggota masyarakat akibat dakwaan kononnya ada antara mereka yang mengenakan sihir kepada orang lain. Bagaimanapun dalam undang-undang Malaysia, amalan sihir termasuk di bawah kesalahan jenayah sihir yang masih belum dilaksanakan hukumannya termasuk dari aspek kaedah pembuktian nya yang masih tidak jelas kaedahnya dan perlu dikaji dan dilaksanakan di institusi kehakiman Malaysia agar jenayah sihir terutama dalam isu-isu kekeluargaan dapat dibendung secepat mungkin. Dalam kajian ini, penulis akan memperjelaskan berkaitan definisi sihir dan jenis-jenisnya, kaedah pembuktian bagi kesalahan jenayah

sihir di Mahkamah Syariah dan menganalisis beberapa kes yang telah dilaporkan di Mahkamah Syariah berhubung dengan kesalahan ini.

SOROTAN LITERATUR

Amalan sihir merupakan satu perbuatan yang boleh merosakkan akidah umat Islam dan agama kita melarang keras bagi penganutnya untuk beramal atau melakukan perbuatan sihir. Hal ini kerana sihir merupakan suatu perbuatan yang dilakukan oleh seseorang dengan menggunakan jampi mentera melalui pengantaraan syaitan dan bertujuan untuk mendatangkan kemudaratn serta penganiayaan kepada mangsa (Na'imah Suleiman, 2014). Kesan daripada perbuatan sihir ini juga telah menyebabkan mangsa menderita tanpa dapat dikesan punca-puncanya dan boleh membawa maut sekiranya tidak mendapatkan apa-apa rawatan.

Oleh kerana itu, pengamal ilmu sihir amat dilaknat oleh Allah SWT dan banyak ayat al-Quran serta hadis melarang akan perbuatan tersebut. Terdapat juga pelbagai peristiwa yang memaparkan tentang penangan ilmu sihir termasuk menggunakan susuk dan jampi serapah untuk kelihatan cantik, menggunakan ilmu hitam untuk memisahkan suami isteri, ilmu pukau dan santau untuk menganiaya orang lain selain mendatangkan penyakit mental dan fizikal kepada mangsa (Muhammad, 2021). Perkara ini jelas memberikan lebih banyak mudarat daripada manfaat, tergolong dalam dosa-dosa besar dan wajar untuk di jauhi oleh semua masyarakat terutama masyarakat Islam. Perbuatan sihir dengan tujuan untuk mengganggu ketenteraman hubungan kekeluargaan juga banyak memberikan kesan buruk terhadap hubungan antara pasangan suami dan isteri.

Namun, perundangan Syariah di Malaysia dilihat kurang menekankan prosedur atau tatacara penyiasatan dan pendakwaan terhadap jenayah sihir. Sehingga ke hari ini, pelaku bagi kesalahan jenayah sihir amat sukar untuk dibuktikan dan didakwa di Mahkamah Syariah disebabkan oleh ketiadaan peruntukan khas di dalam Akta/Enakmen/Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah mahupun Tatacara Jenayah Syariah negeri-negeri. Ismail (t.t.) turut mengatakan bahawa wujud isu dan cabaran yang timbul dalam pemerkasaan undang-undang bagi jenayah sihir. Tidak seperti negara Brunei Darussalam, kesalahan jenayah sihir telah termaktub di dalam Perlembagaan Negara tersebut di bawah Seksyen 152 Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 (Hussain, 2021). Seksyen tersebut memperuntukkan klausa berkenaan membunuh (*qatl*) dengan sihir mengikut keadaan dan situasi tertentu sehingga ia boleh disabitkan dengan kesalahan pembunuhan sengaja, tanpa sengaja dan menyerupai sengaja serta mengenakan hukuman yang berat mengikut jenis sabitan kesalahan yang dijatuhkan ke atas pesalah jenayah sihir.

Najwa Farhana (2015) turut mengatakan bahawa Tuan Amidon bin Anan dalam kertas kerjanya yang bertajuk "*Perkongsian Pengalaman PDRM dalam Pengendalian Kes-Kes Berkaitan Sihir*", jenayah sihir ini semakin membimbangkan dan kebanyakan kes yang dikendalikan tidak dapat dibuktikan kesalahannya ke atas pelaku kerana ketidakcukupan peruntukan undang-undang spesifik yang membincangkan mengenai undang-undang jenayah sihir. Pengalaman-pengalaman pihak polis dalam mengendalikan kes seperti *Juraimi bin Husin lwn Pendakwaraya* atau lebih dikenali sebagai kes Mona Fendi, lebih banyak berkisar tentang perbuatan jenayah yang dilakukan. Unsur-unsur seperti ilmu hitam tidak dibincangkan secara menyeluruh dan spesifik walaupun ada dibincangkan semasa perbicaraan di mahkamah.

Menurut Nasri (2015), sudah tiba masanya bagi sistem perundangan Syariah di Malaysia untuk mengkanunkan undang-undang jenayah sihir agar pengamal sihir serta mereka yang mendapatkan khidmat sihir dapat didakwa dan dihukum dengan hukuman yang setimpal. Hal ini juga dapat memberikan keadilan yang sewajarnya terhadap pengadu atau mangsa-mangsa hasil daripada perbuatan jenayah sihir. Cadangan ke arah pelaksanaan undang-undang jenayah sihir dapat dilaksanakan dengan melakukan beberapa bentuk pemerkasaan terhadap undang-undang sedia ada seperti mengeluarkan satu garis panduan dan operasi standard (SOP) dalam kaedah pembuktian atau pensabitan jenayah sihir, meminda peruntukan sedia ada dan sebagainya. Usaha ini dilihat mampu untuk menambah baik undang-undang jenayah Syariah di Malaysia di samping dapat membela nasib para pemangsa agar keadilan dapat diperolehi.

Justeru, para pengkaji berpandangan bahawa terdapat keperluan untuk membincangkan isu berkenaan jenayah sihir dengan menekankan aspek perundangan serta kaedah pembuktian yang dapat

dilakukan demi mensabitkan jenayah sihir di Mahkamah Syariah. Malahan, kes keruntuhan rumah tangga disebabkan oleh perbuatan sihir juga banyak dikhabarkan menerusi akhbar-akhbar, berita, mahupun kes-kes terdahulu atau semasa. Namun, tiada tindakan yang dapat dikenakan terhadap pelaku sihir. Meskipun tiada peruntukan khusus dalam undang-undang semasa berkenaan jenayah sihir, terdapat beberapa kes yang dapat dijadikan rujukan di dalam kajian ini sebagai contoh dan sandaran dalam kes melibatkan jenayah sihir. Kajian ini amat penting dalam memartabatkan serta memperkasa amalan semasa perundangan syariah di Malaysia dan agar dapat memberi keadilan yang sewajarnya terhadap mangsa-mangsa keruntuhan rumah tangga disebabkan perbuatan yang tidak bermoral ini.

METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan pendekatan secara kualitatif iaitu analisis dokumen. Menurut Bowen (2009), analisis dokumen adalah salah satu prosedur yang sistematik untuk mengkaji atau menilai dokumen sama ada bercetak atau dalam bentuk elektronik. Bukan itu sahaja, tujuan utama analisis dokumen ini adalah untuk menilai secara sistematik kedua-dua dokumen awam dan persendirian, dokumen primer atau sekunder (Walsh, 2014). Dalam kertas kerja ini, data yang dikumpulkan dibahagikan kepada dua jenis iaitu: data primer dan sekunder. Data primer yang digunakan adalah seperti Al-Quran, hadis-hadis Nabi (SAW) dan Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561]. Sumber data ini juga digunakan untuk mengetahui secara langsung berkaitan kedudukan jenayah sihir dari perspektif al-Quran, hadis dan juga undang-undang Syariah di Malaysia. Ini kerana data yang dikumpul daripada sumber primer adalah sumber yang jelas, boleh dipercayai, dan tafsirannya tidak boleh dipengaruhi oleh pandangan seseorang. Artikel jurnal, kertas kerja, buku, tesis, kes-kes yang dilaporkan, dan kitab fiqh diklasifikasikan sebagai data sekunder. Kemudiannya, data-data yang diperoleh telah dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis dokumen dan menjawab kesemua objektif kajian yang ingin dicapai dalam kertas kerja ini.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Definisi Sihir dan Jenis-Jenisnya

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka telah mendefinisikan ilmu sihir sebagai azimat atau sumpahan. Menurut Muhammad Mutawalli as-Sya'rawi menyebut perkataan *Sihir* berasal daripada perkataan *al-Sahār* yang membawa maksud: pada waktu tengah malam dan subuh. Syed Muhammad Rasyid Ridha dalam Tafsir al-Manar menjelaskan maksud *Sihir* menurut bahasa Arab adalah tersembunyi dan sifat *Sihir* ialah memperdayakan mata dan menjadikan sesuatu yang tidak ada itu kelihatan wujud. Menurut Kamus Inggeris Oxford, *Sihir* ditakrifkan sebagai amalan perbuatan luar biasa oleh pengamal sihir dan membuat perjanjian dengan syaitan atau jin (Ismail, 2011). Selain itu, takrif sihir atau *Sihir* ialah perjanjian dan kesepakatan yang dibuat antara pengamal sihir dan syaitan atau jin; seperti menetapkan untuk pengamal sihir melakukan perbuatan tertentu yang haram atau syirik dan sebagai balasan bagi mendapatkan pertolongan dan kepercayaan daripada syaitan atau jin bagi memenuhi hajat dan keperluan pengamal sihir (Bali, 1992).

Menurut Ibn Qudama Al-Maqdisi mendefinisikan *Sihir* sebagai '*Uqad* (simpulan), *Ruqa'* (mantera) dan perkataan yang diucapkan atau ditulis, atau diamalkan bagi mempengaruhi tubuh mangsa (*al-Mashur*), hati atau fikirannya tanpa bersentuhan dengan mangsa. Realiti *Sihir*, terdapat beberapa jenis yang boleh membunuh, menyebabkan seseorang itu jatuh sakit atau menjadi penghalang kepada suami melakukan persetubuhan dengan isterinya serta boleh memisahkan pasangan suami isteri dan boleh membuat seseorang tersebut saling membenci atau mencintai (Ibn Qudama, t.th). Selain itu, menurut Al-Qurtubi pula mendefinisikan *Sihir* kepada beberapa jenis sihir yang mempunyai pengaruh kepada hati seseorang seperti perasaan cinta, benci, mendapat kebaikan atau musibah, malah terkesan dengan penyakit atau ungkapan yang tidak dapat dilihat oleh mata kasar manusia tetapi mampu dimiliki bagi tujuan untuk menyakiti orang lain seperti; mengganggu kesihatan, mendapatkan kekayaan serta mendapatkan atau merosakkan hubungan antara manusia dengan menggunakan seni sihir dan alat-alat yang khusus (Al-Qurtubi, t.th).

Tambahan lagi, menurut Ibn Manzur mendefinisikan ilmu *Sihr* ialah apabila seseorang pengamal sihir itu menjadikan sesuatu yang salah atau batil kelihatan nyata serta menampakkan sesuatu kepada orang lain berbeza daripada rupanya yang sebenar (Ibn Manzur, 1956). Manakala, menurut Fakhruddin Al-Razi, sihir ialah sesuatu yang tersembunyi dan diberi gambarannya seperti perkara yang sebenar serta berlangsung tipu daya (Muhammad Fayyumi, 1987). Selain itu, menurut Abdul Rahman Juza' dalam bukunya *Al-Jinayah bi as-Sihr Hukmuha wa 'Uqubatuha* menyatakan bahawa sihir ialah sesuatu perbuatan yang dilakukan oleh manusia bertujuan untuk mencapai sesuatu, dengan cara menghampirkan diri kepada syaitan serta percaya dengan bantuan daripada syaitan sahaja manusia mampu melakukannya (Juza', 2001). Perkara tersebut didasari oleh tujuan yang jahat dan mempunyai hati yang kotor (Suleiman, 2014).

Terdapat banyak jenis-jenis sihir di antaranya ialah *Sihr At-Thafriq* (pemisah), *Sihr al-Mahabba/At-Tiwala* (cinta), *Sihr At-Takhyl* (jelmaan objek yang palsu), *Sihr Al-Junun* (gila), *Sihr Al-Khumul* (lesu), *Sihr Al-Hawatif* (mimpi buruk dan mendengar bisikan), *Sihr Al-Maradh* (penyakit), *Sihr An-Nazif* (pendarahan haid yang berturutan) and *Sihr* melambatkan perkahwinan (Bali, 2004). Menurut Bali (2004) lagi sihir yang kebiasaannya berlaku dalam perkahwinan adalah *Sihr At-Thafriq* iaitu sihir pemisah antara dua pasangan suami dan isteri atau membangkitkan kebencian antara dua sahabat. Tambahan lagi, menurut Suleiman (2014) *Sihr At-Thafriq* juga boleh bertujuan untuk memisahkan seseorang daripada ibu atau bapanya, kawan-kawannya, rakan perniagaannya dan yang paling berbahaya serta kelaziman yang sering berlaku adalah memisahkan seseorang daripada pasangannya.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa sihir merupakan suatu fenomena yang telah lama dibincangkan oleh para ulama, tokoh ilmuwan dan sejarawan akan kewujudannya dalam sejarah manusia. Malahan, sihir bukan satu perkara baru yang berlaku dalam kehidupan manusia dan sering berterusan dari satu generasi ke satu generasi.

Kaedah Pembuktian Bagi Kesalahan Jenayah Sihir Di Mahkamah Syariah

Dalam bahagian ini, penyelidik akan membincangkan kaedah pembuktian bagi kesalahan jenayah sihir di Mahkamah Syariah iaitu pendapat pakar atau *Ra'yu al-Khabir* dan *al-qarinah*.

Pendapat pakar atau Ra'yu al-Khabir

Pendapat pakar atau *Ra'yu al-Khabir* merupakan salah satu kaedah pembuktian yang boleh digunakan untuk mensabitkan kesalahan jenayah sihir di Mahkamah Syariah. Ibnu al-Qayyim (1977) mendefinisikan pendapat pakar sebagai keterangan seorang yang arif tentang sesuatu bidang. Kaedah ini akan membantu hakim membuat keputusan dengan tepat kerana dikuatkan dengan pendapat pakar dalam sesuatu bidang yang tertentu (Alias et al., 2021). Keterangan yang dinyatakan oleh pendapat pakar ini secara tidak langsung akan memudahkan pihak Mahkamah dalam menyelesaikan kes-kes yang dibicarakan di Mahkamah dengan tepat dan adil (Syinyur, 2006).

A dalil daripada al-Quran yang menunjukkan kekuatan pendapat pakar sebagai kaedah pembuktian. Firman Allah S.W.T:

﴿وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ إِلَّا رِجَالًا نُوْحِيْ اِلَيْهِمْ فَسَلُّواْ اَهْلَ الدِّيْكْرِ اِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُوْنَ﴾

Terjemahan: "Dan Kami tidak mengutus sebelum engkau (Muhammad), melainkan orang laki-laki yang Kami beri wahyu kepada mereka; maka bertanyalah kepada orang yang mempunyai pengetahuan jika kamu tidak mengetahui."

(Surah An-Nahl, 16:43)


Ayat ini menunjukkan bahawa Islam menerima keterangan pakar untuk membuktikan kes-kes yang dibicarakan di Mahkamah. Dalam kes-kes yang melibatkan jenayah sihir, pendapat pakar boleh dijadikan sebagai kaedah untuk mensabitkan seseorang itu bersalah atau sebaliknya. Dalam mengemukakan pendapat pakar bagi membuktikan jenayah sihir, pendapat pakar boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu: pendapat forensik dan pendapat pakar yang tahu akan ilmu sihir. Pertama sekali

ialah pendapat forensik. Menurut Ismail (2011), pendapat pakar amat diperlukan dalam menentukan bahan-bahan yang biasa digunakan dalam ilmu sihir seperti cebisan pakaian, cap jari, darah, kesan tapak kaki dan alatan-alatan lain yang digunakan. Dengan adanya keterangan daripada pakar forensik ini, maka pengesanan untuk mensabitkan kesalahan penjenayah sihir dengan mudah dan tepat.

Kedua, pendapat pakar yang tahu akan ilmu sihir. Menurut Suleiman (2014), mana-mana individu yang mempunyai pengalaman luas dan diiktiraf oleh masyarakat sebagai pakar perubatan Islam boleh dianggap sebagai seorang yang handal untuk memberi pendapat. Ia bergantung kepada hakim sama ada untuk mengekalkan atau menolak kenyataan itu. Keperluan pendapat pakar mengenai perkara ini telah dinyatakan oleh Hakim Mahkamah Rayuan dalam kes *Mustafa Batcha v. Habeeba Abd. Rahman* [1410] JH 41:

"The learned judge did not record any of the facts from the case and he also did not summon the healer who treated the appellant to get statements in order to ensure that the appellant was really sick due to witchcraft which caused the divorce."

Berdasarkan Seksyen 33 Akta Keterangan Mahkamah Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997 [Akta 561] menyebut:



Rajah 1: Seksyen 33 Akta Keterangan Mahkamah Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997 [Akta 561]

Oleh itu, mana-mana pasangan dalam kes perceraian mendakwa bahawa terdapat penggunaan sihir bagi tujuan untuk memusnahkan perkahwinan, Mahkamah boleh menggunakan keterangan pakar (yang ditugaskan oleh mahkamah atau pendakwa raya) untuk mengenal pasti dan mengesahkan beberapa perkara iaitu:

Pertama: pengesahan. Benarkah gejala yang dialami mangsa adalah akibat sihir, atau ia hanyalah gejala gangguan roh yang disebabkan oleh saka (kepercayaan orang Melayu bahawa jin boleh diwarisi daripada golongan yang naik), amalan mistik dan ritual khurafat, dan lain-lain?

Kedua, sejauh manakah ilmu sihir yang digunakan menjejaskan keadaan mental dan fizikal mangsa.

Ketiga; adakah terdapat perkaitan antara gejala, barang sihir (jika ada) dan kesan terhadap mangsa.

Keempat; adakah terdapat bukti keadaan (qarinah) yang boleh dikaitkan dengan tuntutan yang dibuat.

Dan lain-lain perkara yang berkaitan.

Rajah 2: Kaedah Pengenalpastian dan Pengesahan dari Pakar

Kaedah ini dilihat bersesuaian mengikut peruntukan Seksyen 33 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah negeri-negeri di Malaysia yang memberi kuasa kepada Mahkamah untuk memanggil pakar dalam mana-mana sains atau seni untuk memberi pendapat di mahkamah. Jika hakim (selepas meneliti dan mendengar pendapat pakar tentang perkara itu) mempunyai sebarang sebab untuk mempercayai bahawa orang yang mendakwa perkara itu benar-benar mengalami gejala sihir, dia boleh mengeluarkan perintah supaya orang itu dirujuk kepada mana-mana rawatan yang boleh dipercayai dan memberi orang itu masa yang mencukupi untuk mendapatkan rawatan. Tujuan utama rawatan ini adalah untuk memastikan mangsa pulih sepenuhnya daripada pengaruh sihir. Justeru itu, mangsa akan dipanggil dan dibolehkan untuk dibicarakan di Mahkamah dalam keadaan sihat fizikal dan mental. Kebiasaannya, apabila mangsa bebas daripada sihir, dia akan dapat mempertimbangkan secara rasional tindakan yang akan diambil. Dalam keadaan ini, Mahkamah boleh mengadakan perbicaraan semula tentang rayuan yang difailkan oleh mangsa atau pasangan. Pendekatan ini lebih adil kerana semua pihak dalam rayuan atau permohonan adalah berakal (Ismail et al., 2014).

Oleh itu, jelaslah menunjukkan bahawa keterangan pakar dapat membantu Mahkamah untuk menyelesaikan kes-kes yang melibatkan jenayah sihir. Walau bagaimanapun, perbincangan lanjutan perlulah diperluaskan iaitu berkaitan pewujudan kriteria bagi setiap pakar yang dipanggil di Mahkamah.

Al-Qarinah

Al-Qarinah dari segi bahasa berasal dari perkataan Arab (قرن) membawa maksud melazimi atau sentiasa bersama (al-Syawkany: t.th.). Dari segi istilah pula, *Al-Qarinah* membawa maksud setiap tanda-tanda yang jelas menunjukkan bersamanya kepada sesuatu yang tersembunyi (al-Zuhaily, 1989). Dalam *Majallah al-Ahkam al-Adliyyah* dalam perkara 1741 pula, *Al-Qarinah* bermaksud mana-mana tanda atau petunjuk yang mencapai tahap yakin (Ali Haidar, t.th.). Menurut Abdul Karim Zaydan (1984), *Al-*

Qarinah ialah suatu perkara yang menjadi dalil adanya sesuatu atau tidak ada sesuatu sama ada dalam bentuk keadaan, suasana, perkataan atau perbuatan. Sebagai contohnya, seorang lelaki keluar dari rumah dalam keadaan ketakutan dan tergopoh-gapah sambil memegang sebilah pisau yang berlumuran darah. Apabila orang ramai masuk ke dalam rumah itu, mereka mendapati ada orang yang telah mati disembelih. Keadaan itu boleh dijadikan bukti bahawa lelaki tersebut telah membunuh walaupun mereka tidak melihat lelaki itu melakukan perbuatan penyembelihan (Md. Nor, 2019).

Dalam kes-kes yang melibatkan jenayah sihir, *Al-Qarinah* boleh diterima pakai untuk mensabitkan hukuman kepada pesalah. Petunjuk kewujudan sama ada melalui rentetan peristiwa yang berlaku atau bahan-bahan terpilih yang mempunyai kaitan dengan kejadian itu boleh menjadi bukti dalam pembuktian jenayah di mahkamah. Bukti mengikut keadaan dalam jenayah sihir boleh wujud sekiranya berlaku seperti berikut (Ismail, 2011):

- i. Mangsa melakukan perbuatan yang menyebabkan ahli sihir berasa dengki, dendam, dendam, cemburu, marah, benci, dan sebagainya. Contohnya mangsa dinaikkan pangkat, mangsa menolak cadangan perkahwinan, mangsa berjaya dalam perniagaan atau pendidikan, mangsa dimarahi atau diberhentikan pekerja, mangsa tidak memberikan layanan yang sama rata kepada pekerja dan lain-lain.
- ii. Apabila situasi (1) terjadi, tertuduh didapati, baik lisan atau perbuatan, membuat isyarat yang difahami oleh mangsa sebagai ancaman untuk melakukan sihir, atau dilihat pernah melakukan perbuatan yang ada kaitan dengan amalan sihir seperti menandai pada tiang rumah mangsa, atau menggunakan beras kunyit (beras kunyit) dan ditabur di sekeliling rumah mangsa, atau berjumpa dengan bomoh dengan membawa apa-apa yang ada kaitan dengan sihir.
- iii. Apabila keadaan (2) di atas berlaku, mangsa tiba-tiba mula melihat perkara pelik seperti kerap mimpi ngeri, melihat bayang-bayang yang menakutkan, atau perkara pelik berlaku seperti penemuan bangkai burung atau ayam tanpa kepala, lalat masuk, dan rumah cermin tiba-tiba pecah.
- iv. Apabila kejadian (4) berlaku selepas beberapa hari, mangsa mula menunjukkan perubahan ketara sama ada dari segi fizikal dan mental, emosi dan mood, prestasi dan perniagaan, perhubungan sosial dan kekeluargaan serta lain-lain yang berkaitan.

Penemuan bahan yang biasa digunakan dalam amalan sihir yang dimiliki oleh seseorang individu boleh dibuktikan oleh pemiliknya adalah pengamal sihir. Contohnya tengkorak manusia, ruang khas yang mengandungi alat-alat ibadah, anak patung, azimat, azimat dan banyak lagi yang mempunyai unsur syirik kepada Allah S.W.T. Ini menunjukkan bahawa, *Al-Qarinah* mempunyai peranan yang penting dalam proses pembuktian jenayah sihir dengan melihat tanda-tanda yang terjadi.

Kes-Kes yang Dilaporkan di Mahkamah Syariah berhubung Kesalahan Jenayah Sihir

Kajian Kes 1: Mustafa Batcha v. Habeba Abd Rahman [1410] JH 41

Kes ini adalah kes rayuan di Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Sembilan. Mustafa Batcha lwn Habeeba Abd Rahman, perayu mendakwa dia telah melafazkan cerai (*talag*) 3 dalam keadaan perayu tidak sedar kerana terkena sihir. Menurut Mustafa Batcha, dia telah berjaya mendapatkan tender kantin di sebuah kilang. Semenjak itu, perayu merasakan fikirannya tidak tenteram, selalu bergaduh dan marah kepada isterinya serta timbul perasaan benci. Perayu juga pernah memukul isterinya walaupun dia tidak menyedari apa yang dilakukannya. Dalam pada itu, dengan keadaan tidak sedar perayu telah menceraikan isterinya. Kemudian perayu telah menemui bungkusan kain putih di dalam kantin dan menurut dukun, perayu telah terkena sihir kerana berjaya mendapatkan tender kantin tersebut. Orang yang menyihir perayu merasa dengki kerana perayu telah berjaya mendapatkan tender kantin lalu menyihirnya supaya rumah tangga nya bercerai-berai. Selepas itu, perayu mendapatkan rawatan dan

mengambil keputusan untuk keluar dari kantin itu. Setelah perayu kembali pulih serta dapat berfikir secara normal. Perayu telah merayu kepada mahkamah untuk menilai semula lafaz cerai (*talaq*) 3 yang telah direkodkan oleh mahkamah sebelum itu. Hakim Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa kes itu tidak dibicarakan secara menyeluruh dan memerintahkan ia dibicarakan semula kerana kegagalan Hakim Mahkamah Rendah Syariah mendapatkan pendapat pakar (*ra'yu al-khabir*) berhubung isu tersebut. Hakim yang arif mencadangkan supaya perawat yang merawatnya dipanggil untuk mendapatkan pendapat pakarnya (Ismail, 2011).

Kajian Kes 2: Re Wan Norsuriya [1418] JH 211

Dalam kes Re Wan Norsuriya, pemohon telah memohon kepada Mahkamah untuk membubarkan perkahwinan kerana unsur keengganan daripada pihak pemohon. Menurut Wan Norsuriya, pemohon ada berkenalan dengan Mohd Nasir bin Ismail (responden). Selepas dua hari berkenalan dengan responden, pemohon telah diculik dan dikurung oleh responden serta kawan-kawan responden di suatu kawasan kelapa sawit. Pemohon mendakwa dia telah didera seperti ditampar, disepak dan diterajang serta terus diawasi oleh responden dalam keadaan sedemikian selama sebulan. Lantaran itu, bapa pemohon telah membuat laporan polis berhubung kejadian penculikan pemohon dan responden menjadi buruan polis. Kemudian responden membawa lari pemohon ke Thailand untuk dikahwinkan bagi mengelak menjadi buruan polis. Semasa dalam akad nikah di Thailand pemohon berada dalam keadaan tidak sedar dan dikahwinkan tanpa kerelaan pemohon. Setelah itu, Hakim memutuskan ada unsur sihir semasa pemohon berada dalam tahanan responden dan semasa akad nikah di Thailand. Walaupun tiada peruntukan undang-undang yang khusus berhubung dakwaan sihir, maka kes diputuskan atas dasar tiada persetujuan pemohon (Ismail, 2012).

Kajian Kes 3: Muhammad Kamran Babar Nazir Khan dan Yani Yuhana Mohd Zambri

Dalam kes Muhammad Kamran Babar Nazir Khan dan Yani Yuhana Mohd Zambri, pemohon iaitu Yani Yuhana telah memohon kepada Mahkamah untuk membubarkan perkahwinan kerana pemohon telah disihir oleh plaintif. Walau bagaimanapun, menurut Hakim Mahkamah Syariah Abdul Walid Abu Hassan, pemohon iaitu Yani Yuhana selaku defendan gagal memanggil saksi dan menimbulkan keraguan untuk membuktikan dakwaan itu walaupun, defendan telah mengemukakan laporan polis dan surat daripada Pusat Perubatan Islam Daru syifa kepada Mahkamah. Menurut Hakim Mahkamah Syariah Abdul Walid Abu Hassan, defendan iaitu Yani Yuhana, 25, kelihatan sedar dan waras ketika majlis perkahwinan yang diadakan di Sadiqadad Raw, Pakistan pada 2 April 2009 serta defendan juga kelihatan ceria seperti yang dilihat dalam album foto perkahwinan. Dalam kes ini juga terdapat unsur-unsur sihir yang kurang tatacara, prosedur dan perincian maka unsur sihir itu tidak dapat dibuktikan (Ismail et al, 2014).

KESIMPULAN

Perbuatan jenayah yang melibatkan penggunaan ilmu sihir adalah antara satu penyakit dalam masyarakat yang sehingga kini tiada penawarnya. Jenayah ini sudah jauh menular ke dalam sel-sel kehidupan masyarakat dan menjadi barah yang sukar untuk diubati. Pengaplikasian undang-undang bagi merawat gejala ini sangat perlu memandangkan ia sudah sebar dalam masyarakat dan tersebar luas tanpa mengira sempadan negara dan bangsa. Oleh yang demikian, dalam usaha untuk merangka satu mekanisme perundangan yang mampu menangani masalah jenayah sihir ini, timbul beberapa isu, persoalan dan juga cabaran yang menjadi penghalang dan sekatan dalam menuju pelaksanaan undang-undang jenayah sihir di Malaysia ini. Lantas, setiap satu itu perlulah dinilai secara teliti dan dianalisis secara mendalam agar jalan yang terbaik dapat dicapai. Keterlibatan semua pihak juga memainkan peranan yang penting terutamanya pihak kerajaan dan ahli parlimen. Mereka perlulah melahirkan dan menunjukkan rasa sokongan yang padu ke arah mewujudkan peruntukan ini. Tidak ketinggalan juga ahli-ahli akademik, pakar perubatan Islam, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta badan-badan yang berautoriti seperti JKSM dan JAKIM juga perlu berganding bahu dan memikirkan jalan terbaik ke arah mewujudkan undang-undang jenayah sihir di Malaysia. Jika segala isu yang timbul

dapat dicari titik penyelesaiannya dan cadangan yang telah disusun dengan rapi berjaya diaplikasikan, maka tidak mustahil Malaysia akan berjaya mewujudkan peruntukan khusus berkaitan dengan undang-undang jenayah sihir.

RUJUKAN

Al-Quran.

Akta Keterangan Mahkamah Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997 [Akta 561].

Ali Haidar. (t.th.). *Durara al-Hukkam Syarh Majalah al-Ahkam al- 'Adilliyyah*. Matba'ah Syir'ariko.

Alias, M. A. A., Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, A. S., & Abdul Mutalib, L. (2021). Legal Analysis of Syariah Court Evidence Law on Digital Document as Evidence and Its Admissibility in Court Proceedings: Analisis Perundangan bagi Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah terhadap Dokumen Digital sebagai Kaedah Pembuktian dan Kebolehterimaannya dalam Prosiding Mahkamah. *Journal of Management and Muamalah*, 11(2), 54 - 64.

Al-Zuhaili. (1989). *al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuh*. Dar al-Fikr: Damsyik.

Bali, W. A. (1992). *Al-Sorim al-Tabar fi al-Tassodda li al-Saharati Al-Asyrar*. (Jeddah: Maktabah al-Sohabah).

Bali, W. A. (2004). *Sword Against Black Magic and Evil Magicians*. Edisi Terjemahan.

Bowen, G. A. (2009). Document Analysis as a Qualitative Research Method. *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27-40. Diambil daripada doi: <https://doi.org/10.3316/QRJ0902027>

Ibn al-Qayyim. 2007. *Al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyasah al-Syar'iyah*. Makkah: Dar 'Am al-Fawa'id.

Ibn Qudamah al-Maqdisi. (t.th.). *Al-Mughni*. Riyadh: Maktabah al-Riyadh al-Hadithah.

Ibnu Manzur. (1956). *Lisan al- 'Arab*. Beirut: Dar al-Sadir.

Ibnu Qudamah. (t.th.). *Al-Mughni*. Riyadh: Maktabah al-Riyadh al-Hadithah.

Ismail, M. (2011). *Ahli Sihir ke Tali Gantung*. Selangor: PTS Media Group.

Ismail, M. (2012). *Cadangan Prosedur Kendalian Standard Bagi Kes Melibatkan Sihir Di Mahkamah Syariah*. Universiti Malaysia Pahang, Malaysia.

Ismail, M. (t.t). *Kertas Kerja: Jenayah Sihir-Isu dan cabaran*. - Ibrahim Muhammad al-Jamal, 1403H, Al-sihr: Dirāsah fi zilāli al-qisasi Al-Qur'āni wa Al-sīrah Al-nabawīyyah, Kaherah, Maktabat Al-Qur'ān, hlm. 35.

Ismail, M., Borham, A. J., & Syd Zubir, S. I. S. (2014). *Bewitchment as A Defence in Divorce Cases: An Analysis from Islamic Law Perspective*. In: Proceedings of the International Academic Conference on Law & Politics (IACLP 2014), 26-27 April 2014, Istanbul, Turkey. 1-5.

Ismail, M., Borham, A. J., Syed Zubir, S. I. S. (2014). *Bewitchment as A Defense in Divorce Cases: An Analysis from Islamic Law Perspective*. Universiti Malaysia Pahang. Malaysia.

Juraimi Bin Husin lwn Pendakwaraya.

Juza', A. R. (2001). *Al-Jinayah bi al-Sihr Hukmuha wa 'Uqubatuha wa Turuqu Ithbatiha wa ba'd Tatbiqatiha fi al-mahakim al-Syar'iyah*. Ar-Riyadh: Dar al-Asimah.

Karim Zaydan, A. (1984). *Nizam al-Qada' fi al-Shariah al-Islamiyyah*. Baghdad: Matba'ah al- 'Ani.

Md. Nor, S. Z. (2019). *Al-Syariah Undang-Undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhammad Fayyumi, A. (1987). *Al-Misbah al-Munir: Mu'jam 'Arabi-'Arabi*. Beirut: Maktabat Lubnan.

Muhammad Kamran Babar Nazir Khan dan Yani Yuhana Mohd Zambri.

Muhammad Mustafa Al-Hadidi Al-Thair. (1987). Penyuluh: Arwah, Jakarta: Pustaka Amani.

Muhammad, M. (2021, Mac 08). *Jejak Ulama: Sihir antara tujuh dosa besar*. Diambil daripada <https://www.utusan.com.my/pancaindera/jejak-ulama/2021/03/sihr-antara-tujuh-dosa-besar/>.

Mustafa Batcha lwn. Habeeba Abd. Rahman [1410] JH 41.

Na'imah Suleiman. (2014). *Prospek Pemakaian Qarinah dan Pendapat Pakar Dalam Pembuktian Jenayah Sihir*. Disertasi Master: Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya.

- Najwa Farhana Binti Wahid @ Ab Wahid. (2015). *Transformasi Dalam Perundangan: Langkah-Langkah Yang Boleh Diambil oleh Mahkamah Syariah Di Malaysia Dalam Menangani Jenayah Sihir*. Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya.
- Nasri, M. S. (2015). *The Crime of Witch Crafting in Malaysia: Problems and Recommended Legal Implementation*. Kolej Universiti Islam Melaka.
- Re Wan Norsuriya [1418] JH 211.
- Suleiman, N. (2014). *Prospek Pemakaian Qarinah dan Pendapat Pakar dalam Pembuktian Jenayah Sihir*. (Tesis Sarjana). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Suleiman, N. (2014). *Prospek Pemakaian Qarinah Dan Pendapat Pakar Dalam Pembuktian Jenayah Sihir*. Jabatan Syariah Dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Syinyur. 2006. *Al-Ithbat bi al-Khibrah baina al-Qadha' al-Islamiyy wa al-Qanun alDawliyy wa Tadbiquha al-Muasirah: Dirasah Al-Muqaranah*. Amman: Dar alNafa'is.
- Wahid, N. F. (2015, Mei 12). *Transformasi dalam Perundangan: Langkah-langkah yang Boleh Diambil oleh Mahkamah Syariah di Malaysia Dalam Menangani Jenayah Sihir*. Diambil daripada <https://docplayer.info/174281469-Transformasi-dalam-perundangan-langkah-langkah-yang-boleh-diambil-oleh-mahkamah-syariah-di-malaysia-dalam-menangani-jenayah-sihir.html>
- Walsh, K. (2014). Documentary Research and Evaluation in Medical Education. *Journal of Educational Evaluation for Health Professions*, 11(18), 1-3. Diambil daripada <http://dx.doi.org/10.3352/jeehp.2014.11.18>.
- YA Prof. Adjung Dato' Dr. HJ Mohd Na'im Bin HJ Mokhtar. (2017). *Hakim Mahkamah Rayuan Syariah. Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia*. Pengurusan Elemen Sihir Dalam Kes-Kes Di Mahkamah Syariah.